

KES MAHKAMAH TRIBUNAL NO: T. 110 - 2011

DI ANTARA

DATO' SERI HAJI NOOR ZAINAN B HAJI ZAINUL ...PEMOHON

DENGAN

**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN
MALAYSIA BERHAD (ANGKASA) ...RESPONDEN**

Di Hadapan:

Pengerusi Tribunal : Tuan Hamidun Bin Datuk Hj.Abd.Fatah

Anggota Panel SKM : Puan Fatimah Binti Ani

Anggota Panel Koperasi : Tuan Hj.Yusof Bin Othman

ALASAN AWARD

FAKTA KES

1. Pemohon ialah seorang anggota kepada Koperasi ahli Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (**"ANGKASA"**). Pemohon telah di **lucutkan hak untuk menyertai mana-mana Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau Mesyuarat ANGKASA selama tempoh tiga tahun** atas pertuduhan mengumpulkan kupon wang saku bernilai RM160.00 setiap satu dan kad undi 21 orang perwakilan semasa Persidangan Kebangsaan Tahunannya (**"PKTA"**) yang ke 26 pada 19 Disember 2009 dan seterusnya membuat tuntutan bayaran bagi pihak perwakilan-perwakilan tersebut yang kesemuanya berjumlah RM3,360.00 dengan niat menyalah gunakan kad undi dengan tujuan memberi undi kepada Tn. Hj. Mustapa Kamal Maulut. Hukuman ini telah dimaklumkan kepada Pemohon melalui surat ANGKASA AKKM:(S)2/4/3 (19) bertarikh 26 Ogos 2010 (R2 Lampiran 6, ms 24).

2. Pemohon telah memfailkan Borang A bertarikh 4.4.2011 dan mempertikaikan keputusan Responden seperti berikut iaitu “*Surat ANGKASA AKKM(S) 2/4/3(19) menggantung hak saya adalah TIDAK SAH kerana diluar bidang kuasa JKT*”. Pemohon juga memohon relif secara lisan supaya:

- (i) penggantungan Pemohon daripada menyertai mana-mana Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau Mesyuarat ANGKASA selama tempoh tiga tahun dibatal dan Pemohon dibenarkan menyertai semua persidangan atau Mesyuarat ANGKASA;
- (ii) dibayar ganti rugi RM2 juta kerana Pemohon telah diaibkan dan kehilangan banyak peluang untuk menyertai pergerakan koperasi dengan sepenuhnya dan Pemohon juga tidak dapat bertanding sebagai Ahli Lembaga ANGKASA dan;
- (iii) keputusan Tribunal ini hendaklah disiarkan dalam semua akhbar tempatan utama nasional, termasuk Majalah Pelancar ANGKASA jika ANGKASA didapati menyalahi undang-undang.

3. Responden telah memfailkan BORANG B yang menyangkal dakwaan Pemohon dengan menyatakan bahawa hukuman yang dikenakan ke atas Pemohon telah dibuat mengikut lunas undang-undang. Tindakan Responden tersebut adalah selaras dengan **tanggungjawab dan kuasa Responden untuk mendisiplinkan** anggota-anggota koperasi ahli yang pada penilaiannya **memudaratkan** organisasi dan gerakan koperasi. Di dalam kes ini hukuman yang dikenakan adalah berbangkit daripada kesalahan yang melibatkan **rasuah atau politik wang**.

4. Dokumen-dokumen yang di failkan dan di rujuk di dalam perbicaraan ini adalah seperti berikut:

- (a) Borang A dan Lampiran A kepada Borang A - P1;
- (b) Borang B dan Lampiran-Lampirannya - R2;

- (c) Ikatan Dokumen Responden - R3;
- (d) Ikatan Dokumen Responden (2) - R4;
- (e) Petikan Majalah Pelancar bertarikh Jun 2011 - P5;
- (f) Ikatan Dokumen Responden (3) - R6;
- (g) Pernyataan Saksi Responden - R7;

5. Ekshibit-Ekshibit yang ditandakan dan dirujuk di dalam perbicaraan ini adalah:

- (a) Minit Mesyuarat PKTA bertarikh 10.1.2009 - R8;
- (b) Surat bertarikh 5.10.2009 - R9;
- (c) Ceraian Minit Mesyuarat PKTA bertarikh 19.12.2009 - R10
di muka surat 33; dan
- (d) Surat Pemohon bertarikh 23.6.2010 - R11.

6. Manakala saksi-saksi yang dikemukakan semasa perbicaraan adalah:

- (a) Dato' Seri Haji Mustapa Kamal Bin Maulut - SP1;
- (b) Dr. Ariffin Bin Mansor - SP2;
- (c) Hj. Muthado Bin Bahri - SP3; dan
- (d) Tuan Hj. Nasir Khan Bin Yahaya - SR1.

Latar Belakang

7. Pada 19 Disember 2009, ANGKASA telah mengadakan PKTA yang ke 26. Sebagaimana lazimnya, Bahagian Peyakin Keselamatan ANGKASA telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan perkara mengenai keselamatan disepanjang PKTA tersebut berlangsung. Bahagian tersebut juga menguruskan pengagihan wang saku kepada perwakilan yang hadir. Seramai 2,649 orang perwakilan yang hadir di mana setiap perwakilan yang hadir telah diberikan sekeping kupon wang saku semasa pendaftaran. Kupon wang saku ini boleh dituntut oleh perwakilan selepas tamat persidangan dan nilai setiap satu Kupon wang saku ialah RM160.00. Jumlah tuntutan wang saku yang telah dibuat

selepas akhir hari persidangan ialah sebanyak 2,489 orang. Terdapat 160 orang perwakilan yang tidak membuat tuntutan wang saku tersebut. Walau bagaimanapun, selepas PKTA tersebut, terdapat 3 permohonan daripada 3 orang perwakilan yang membuat tuntutan wang saku bagi pihak perwakilan-perwakilan yang lain iaitu seperti berikut:

- (i) Encik Noor Zainan b. Hj Zainal - 21 orang perwakilan
- (ii) Dato Hj Mohamed Agos - 40 orang perwakilan
- (iii) Encik Ab.Jabbar bin Che Noh - 47 orang perwakilan.

HUJAHAN PEMOHON

8. Pemohon telah mempertikaikan keputusan Responden *melucutkan hak ke atasnya untuk menyertai mana-mana Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau Mesyuarat ANGKASA selama tempoh tiga tahun* atas alasan bahawa:

- (i) Pemohon bukanlah ahli ANGKASA mengikut tafsiran “ahli” di UUK ANGKASA. Oleh itu, penggantungan Pemohon adalah terbatal. Tafsiran di UUK ANGKASA berkaitan “ahli” ialah sebarang koperasi, Kesatuan, Persekutuan atau Gabungan Koperasi sama ada koperasi asas, menengah atau atasan yang menganggotai ANGKASA;
- (ii) Tindakan yang sepatutnya diambil oleh Responden ke atas Pemohon adalah di bawah Undang-Undang Kecil (“UUK”) 15 di mana ahli yang didapati bersalah setelah disiasat oleh Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan (“JKT”) boleh digantung keahlian sehingga suatu ketetapan Persidangan Kebangsaan memecatnya diluluskan. Oleh kerana dari tarikh penggantungan Pemohon pada 25.8.2010 hingga tahun 2012 di mana Responden telah mengadakan tiga kali PKTAny, Responden telah gagal mematuhi UUK15 yang mengakibatkan penggantungan ke atas Pemohon telah luput;

- (iii) Larangan bahawa kupon wang saku tidak boleh ditukarkan oleh orang ketiga telah tidak dimaklumkan kepada setiap orang semasa proses pendaftaran PKTA tersebut secara jelas kepada setiap anggota yang seramai 1800 orang;
- (iv) Responden telah gagal membuktikan dakwaan yang mengatakan bahawa pihak beliau iaitu pihak ketiga telah membayar wang kupon dengan bayaran yang lebih daripada amaun yang tercatat di dalam kupon tersebut;
- (v) Pemberian wang saku telah menjadi amalan atau tradisi oleh ANGKASA semasa mengadakan PKTA (Nota Prosiding ms 70) adalah bertentangan dan tidak selaras dengan UUK 28 ANGKASA. Oleh kerana pemberian kupon wang saku itu sendiri adalah menyalahi UUK 28 Responden, ianya sekali gus membatalkan penggantungan Pemohon.
- (vi) Kredibiliti Pengerusi Siasatan Awal iaitu Tuan Haji Mutadho Bin Bahri yang merupakan Naib Yang Dipertua ANGKASA dipertikaikan oleh Pemohon. Pemohon mengatakan bahawa jawatan yang disandang oleh Tuan Haji Mutadho Bin Bahri telah terbatal akibat daripada Perintah Bertulis di bawah seksyen 67 Akta Koperasi 1993 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya (R3 ms169) yang mengakibatkan surat tunjuk sebab yang ditandatangani oleh Tuan Haji Mutadho Bin Bahri dan dikeluarkan terhadap Pemohon adalah tidak sah;
- (vii) Percanggahan kepentingan (conflict interest) dan pelbagai kelakuan (multiple manner) oleh Tuan Haji Mutadho bin Bahri dalam proses tindakan disiplin yang diambil oleh Responden terhadap Pemohon iaitu beliau telah bertindak sebagai pendakwa, Pengerusi Jawatankuasa Penyiasat ANGKASA, menjadi saksi

dan sebagai Ahli JKT yang turut sama membuat keputusan. Keadaan ini telah menimbulkan wujudnya keraguan dan **ketidakadilan** dalam siasatan dan hukuman yang dikenakan kepada Pemohon;

- (viii) Responden telah hilang kredibiliti dan keesahan kuasanya akibat melanggar seksyen 42 Akta Koperasi 1993 di mana jumlah anggota Lembaganya adalah seramai lima orang sahaja semasa siasatan dijalankan dan penggantungan dibuat Responden terhadap Pemohon;
- (ix) Lantikan Dato' Haji Abdul Fattah Bin Abdullah sebagai Timbalan Yang Dipertua (TYDP) adalah tidak sah berkaitan isu penggantian kekosongan jawatan Timbalan YDP ("**TYDP**") yang wujud dalam ANGKASA dan tafsiran 'undi terbanyak' mengikut perkara 31(5) UUK ANGKASA yang mengakibatkan JKT ANGKASA yang menggantungnya adalah tidak sah;
- (x) Kesahihan status Yang Di Pertua ("**YDP**") ANGKASA iaitu Dato' Dr Ali Baharom dipertikaian berikutan kes Koperasi Birr Berhad yang telah digantung pendaftarannya pada tahun 2009 (Nota Prosiding ms 43) yang mengakibatkan beliau tidak boleh menganggotai mana-mana koperasi selama lima tahun dari tarikh penggantungan koperasi tersebut; dan
- (xi) Pengambilan elaun tetap oleh JKT adalah bertentangan dengan UUK 30(6) yang mengakibatkan keseluruhan ahli JKT adalah terbatal dan oleh itu hukuman yang dikenakan ke atasnya juga adalah terbatal.

HUJAHAN RESPONDEN

9. Responden menghujahkan bahawa tindakan yang diambil oleh Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan (JKT) terhadap Pemohon adalah **suatu kesalahan disiplin** berkaitan dengan hak dan tanggungjawab sebagai ahli atau anggota kepada ahli ANGKASA. Ia adalah bertujuan untuk membendung perbuatan-perbuatan yang boleh memudaratkan organisasi dan pergerakan Responden. Pemohon telah didapati melakukan kesalahan yang bertentangan dengan etika dan disiplin Responden di atas pertimbangan-pertimbangan berikut:

- (i) Pemohon adalah anggota Responden berdasarkan kepada tafsiran dalam UUK 4 (ms 2, R3) yang mana adalah seperti berikut:-

“Ahli’ bererti sebarang koperasi, Kesatuan, Persekutuan atau Gabungan Koperasi samaada koperasi asas, menengah atau atasan yang mengangotai ANGKASA.

‘Anggota’ bererti orang perseorangan yang mengangotai mana-mana koperasi atau kesatuan koperasi yang menjadi ahli ANGKASA”.

Tafsiran ini telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi di dalam kes yang dibawa oleh Dato’ Mustapa Kamal Bin Maulut terhadap ANGKASA sepertimana yang boleh dirujuk **di m/s 24, R4** yang berbunyi:

*“ In respect of the Plaintiff, the admitted fact that UKWAH, of which he is chairman, is a member of the Defendant is sufficient to show that the Plaintiff in (is) an ‘anggota’ of the defendant. Fu(r)ther I find not only is the Plaintiff and ‘anggota’ of the Defendant, he is also an officer of the Defendant by virtue of being the Defendant’s board of directors. **Therefore I agree with***

counsel for the Defendant that the plaintiff, as ‘anggota’ member of the Defendant, is therefore subject not only to the provisions of the Act but also to Defendant’s by-laws. The Defendant therefore has jurisdiction to act against the plaintiff for any alleged misconduct.”

Responden juga merujuk kes ini dalam kes Leong Sang v. Dato’ Chu Ah Nge, Presiden Kelab Diraja Selangor sebagaimana dalam TAB-1 Ikatan Otoriti Responden *“the relationship between the Plaintiff and the Club is contractual and the Plaintiff, by agreeing to be a member, is deemed to have accepted to be bound by the Defendant’s rules”*;

- (ii) Responden telah memberikan peluang dan perbicaraan yang adil kepada Pemohon. Proses tindakan disiplin yang diambil oleh Responden telah dijelaskan oleh SR1 dalam Nota Prosiding bertarikh 25.7.2012, ms 67 dan R2 ms 11-24. Responden telah mematuhi tatacara atau prosedur-prosedur sebelum mengambil keputusan untuk menjatuhkan hukuman ke atas Pemohon. Kes Florence Bailas v Dr Ng Jit Leong [1985] 1 MLJ 374 telah dirujuk oleh Responden dimana Ajaib Singh J memberi garis panduan mengenai isu ‘natural justice’ rujuk TAB 2- Ikatan Otoriti Responden ms 376-377 iaitu:

“...The very minimum requirements of natural justice are that the committee of a club deciding the expulsion or suspension of a member for misconduct must be totally unbiased, that the member must be informed of his alleged wrong and that he must be given an opportunity to be heard in defence. In the case of Ridge v Baldwin [1964] AC 40, 132 Lord Hodson had his to say on the basic requirements of the principles of natural justice-

No one, I think, disputes that three features of natural justice stand out- (1)the right to be heard by unbiased tribunal; (2) the right to have notice of charges of misconduct; (3) the right to be heard in answer to those charges.

...The rules of a club constitute a contract between the members. The power to expel or suspend a member must be exercised in good faith and for the good of the club and not from any indirect or improper motive and the committee must act without any bias or prejudice. The club committee is thus in quasi-judicial position and it must give notice to the member whose conduct is impugned informing him of the wrong he is alleged to have committed and an opportunity given to him to be heard in defence. The committee cannot act on the evidence of one party only without hearing other party."

- (iii) Pemohon telah diberikan hak untuk membela diri tetapi Pemohon telah gagal untuk mengemukakan apa-apa bukti dan sebab munasabah mengapa Pemohon tidak menjawab kepada pertuduhan tersebut dan tidak hadir semasa perbicaraan kes yang di jalankan oleh Jawatankuasa Siasatan Dalaman pada 9.7.2010 dan 22.7.2010 (rujuk R2 , ms15-23). Pemohon juga tidak pernah membuat bantahan dan tidak mempertikaikan keesahan proses tindakan disiplin yang dijalankan oleh JKT;
- (iv) Bagi isu kekurangan Peraturan atau UUK dalam menangani prosiding disiplin, Responden merujuk kepada kes Leong Sang pada perenggan 17 di ms 932 dalam TAB-1 Ikatan Otoriti Responden *"On the issue of lack of regulations or bye-laws to govern disciplinary proceedings, to my mind the absence of rules would not render the proceedings and the decision of the E & DC invalid so long as the plaintiff was accorded an opportunity to be*

heard, which I find he was, in the present case. I find no evidence to suggest that the inquiry had not been conducted fairly or that the members had not acted in good faith”.

- (v) Penubuhan panel siasatan dan individu-individu yang dilantik untuk menyiasat aduan tersebut adalah di bawah hak dan kuasa Responden. Isu perlantikan sementara yang dibangkitkan oleh Pemohon terhadap Tuan Hj Muthado Bin Bahri sebagai NYDP ANGKASA sama sekali tidak ada hubung kaitnya dengan siasatan yang dibuat terhadap Pemohon atas alasan bahawa perbicaraan mengenai pertuduhan Pemohon dijalankan sebelum Tuan Hj Muthado digugurkan sebagai NYDP daripada anggota Lembaga ANGKASA iaitu pada 1.4.2011. **(rujuk R3, di m/s 169)**. Tuan Hj Muthado dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan bukanlah berdasarkan jawatan yang dipegang olehnya dalam Lembaga Responden tetapi beliau adalah dilantik bagi menyiasat aduan yang diterima daripada Peyakin terhadap Pemohon. Keputusan yang dibuat hasil daripada siasatan yang dijalankan terletak kepada JKT Responden dan bukanlah oleh panel siasatan;
- (vi) Pemohon telah mengakui bahawa beliau telah menuntut Kupon Wang Saku tersebut berdasarkan surat Pemohon bertarikh 23.6.2010 kepada Yang Dipertua Responden yang mana berbunyi seperti berikut:-

*“Memohon dikembalikan wang Pertukaran Kupon bernilai RM Kerana sudah diadvance dahulu kepada perwakilan dalam Mesyuarat ANGKASA 2009 lalu.” **(Sila rujuk ekshibit R11)**.*

Daripada surat tersebut Responden telah membuat tanggapan bahawa terdapatnya unsur-unsur keraguan berkenaan dengan

wang yang telah dibayar dahulu kepada perwakilan kerana dikhuatiri Kupon Wang Saku tersebut telah dibeli dengan harga yang tinggi yang mana adalah bertentangan dengan etika pemilihan biasa yang terjerumus kepada anasir-anasir yang tidak sihat sehingga menjejaskan proses pemilihan semasa PKTA yang Ke-26 dan selanjutnya memberi tanggapan bahawa terdapatnya pembelian kupon atau kertas undi, dalam erti kata lain, rasuah dan politik wang;

- (vii) Adalah menjadi kebiasaan Responden bahawa tuntutan wang saku mestilah dituntut oleh pihak perwakilan sendiri semasa PKTA tersebut tanpa mewakilkan mana-mana pihak bagi membuat tuntutan tersebut. Setiap perwakilan yang hadir semasa pendaftaran pada hari persidangan tersebut telah diberitahu untuk menukar sendiri kupon wang saku tersebut selepas persidangan yang mana amalan ini telah menjadi kebiasaan dan dipraktikkan oleh Responden pada setiap PKTA. Hujahan ini telah disokong oleh kenyataan SR1 semasa pemeriksaan utama yang dijalankan oleh Peguam Responden. **(Sila rujuk R7 m/s 3, Soalan 6 dan Nota Prosiding m/s 70)**

Amalan berterusan yang diamalkan oleh Responden bagi tuntutan wang saku oleh perwakilan yang menghadiri PKTA tersebut seperti yang jelas oleh SR1 (rujuk Nota Prosiding ms 78-79) adalah di dalam pengetahuan Pemohon pada setiap masa yang material kerana Pemohon telah beberapa kali menghadiri persidangan-persidangan tersebut dan boleh dianggap berpengetahuan mengenai proses tuntutan wang saku yang mana telah diamalkan oleh Responden sebelumnya. Oleh itu, Responden berhujah bahawa tuntutan wang saku yang dibuat oleh Pemohon melalui surat berkepalanya Shekh Monitoring Condition bertarikh 20.12.2009 berserta dengan lampiran tandatangan-tandatangan perwakilan memberi keraguan kepada Responden mengenai keesahan dokumen tersebut dan sekaligus

mengukuhkan bukti-bukti Responden untuk menyabitkan kesalahan terhadap Pemohon. **(Sila rujuk R4, di m/s 1-6 dan R6 di m/s 1-21);**

- (viii) Responden menghujahkan bahawa menurut perkara 31(1) UUK (rujuk R3, ms 35), Responden mempunyai **kuasa am** dan adalah berhak untuk menentukan mana-mana pihak seperti Jawatankuasa Tadbir Responden untuk memantau pergerakan setiap ahli-ahli Responden dalam memastikan kesempurnaan dan pergerakan organisasinya dan mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada kesalahan tersebut boleh memudaratkan organisasi dan gerakan koperasi. Perlaksanaan **kuasa am** Responden adalah bertujuan untuk membendung apa jua tanggapan yang boleh menjejaskan gerakan koperasi termasuklah kesalahan yang dilakukan oleh Pemohon;
- (ix) Keengganan Pemohon untuk memberi keterangan di dalam Tribunal yang Mulia ini jelas menunjukkan bahawa Pemohon tidak mempunyai kes yang kukuh bagi menentukan sama ada keputusan penggantungan yang dibuat oleh Responden terhadap beliau adalah tidak sah dan tidak terpakai. Permohonan pertikaian ini jelas dibuat oleh Pemohon dan adalah dihujahkan bahawa keterangan Pemohon adalah material di dalam isu pertikaian ini dan sepatutnya diberikan terdahulu berbanding dengan saksi-saksi lain yang dipanggil oleh Pemohon. Memandangkan Pemohon enggan memberi keterangan semasa pendengaran di dalam Tribunal yang Mulia ini, Responden berhujah bahawa Pemohon tidak mempunyai bukti-bukti yang kukuh untuk menyokong dakwaan Pemohon terhadap Responden;
- (x) Isu perlantikan Dato' Haji Abdul Fattah Bin Abdullah tidak sepatutnya dibangkitkan oleh Pemohon kerana keputusan melantik adalah di bawah bidang kuasa Responden dan

Responden mempunyai hak menentukannya. Tafsiran terhadap Perkara 31(5) UUK juga telah diusulkan dan diperbentangkan semasa PKTA yang Ke-26 pada 19.12.2009 yang mana ianya telah dipersetujui sebulat suara oleh Responden bahawa **undi terbanyak** yang perlu di ambil kira adalah semasa Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan;

- (xi) Pemohon juga telah penuh gagal menunjukkan terdapatnya perkaitan perlantikan Dato' Haji Abdul Fattah Bin Abdullah dengan tindakan disiplin yang diambil oleh Responden terhadap Pemohon. Oleh yang demikian, isu yang dibangkitkan oleh Pemohon berhubung dengan perlantikan Dato' Haji Abdul Fattah Bin Abdullah secara langsung tidak relevan dengan isu penggantungan beliau dan sekiranya ia mempunyai kaitan (yang mana adalah dinafikan), perlantikan TYDP Angkasa, Dato' Haji Abdul Fattah Bin Abdullah adalah sah dan tidak diragui; dan
- (xii) Hukuman yang dikenakan bukanlah hukuman yang berat kerana Pemohon masih lagi diberi kebebasan untuk menyertai program-program anjuran Responden yang berkaitan dengan pendidikan, latihan dan lain-lain seumpamanya seperti seminar, kursus, konvensyen dan sebagainya. Malahan, penggantungan Pemohon adalah dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu dalam masa tiga (3) tahun. Hukuman berat yang dikenakan terhadap pesalah bagi kesalahan salah laku sepertimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 15 UUK ANGKASA (**R3 m/s 20**) adalah pemecatan jawatan yang mana boleh dianggap serius. Hak Pemohon sebagai ahli tidak disekat sepenuhnya dan hukuman yang dikenakan adalah setimpal dengan perbuatan yang dilakukan.

10. Responden juga telah membuat penghujahan secara lisan untuk merujuk kepada Hujahan Bertulisnya. Kesimpulannya Responden menghujahkan bahawa Responden mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan disiplin atas dua prinsip.

Yang pertamanya di bawah kuasa-kuasa YDP di mana di bawah UUK 31(1) R3 ms 35 yang memperuntukan bahawa YDP antara lain mempunyai kuasa dan tanggungjawab bagi memastikan kesempurnaan pentadbiran dan pengurusan keseluruhan ANGKASA serta pelaksanaan segala keputusan JKT dan JKK. Adalah jelas di bawah UUK ini kuasa ini termasuklah kuasa untuk memastikan pematuhan disiplin di kalangan ahli dan secara tidak langsung anggota kepada ahli. Di dalam kes ini tindakan disiplin yang dikenakan ke atas Pemohon adalah lanjutan daripada insiden yang berlaku semasa Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA). Persidangan ini termasuk di bawah frasa “pentadbiran dan pengurusan” ANGKASA yang terjatuh di bawah bidang kuasa YDP.

Adalah amat tidak munasabah jika diterima bahawa oleh kerana tiada peruntukan khusus di bawah UUK untuk memulakan tindakan disiplin maka satu kesalahan boleh dibiarkan. Contohnya satu kesalahan rasuah tidak akan menjadi kesalahan kerana tiadanya peruntukan khusus. Ini adalah maksud yang cuba disampaikan oleh Pemohon. Di dalam kes ini, kesalahan yang telah dituduh dan dibuktikan adalah berkaitan dengan perbuatan pembelian kupon wang saku yang dikhuatiri menyebabkan pembelian kad undi. Adalah jelas bahawa pembelian undi di dalam mana-mana pertandingan secara umumnya adalah satu kesalahan. Maka tindakan Responden menghukum perbuatan yang boleh menyumbang kepada pembelian undi adalah tepat dan sah.

Yang keduanya, kuasa pentadbiran termasuklah kuasa untuk mengenakan tindakan disiplin. Ini bermaksud bahawa ANGKASA mempunyai kuasa secara tersirat untuk menguatkuasakan disiplin di kalangan ahli. Di dalam kes ini tuduhan yang dikenakan ke atas Pemohon bukanlah satu tuduhan yang tidak munasabah. Malah secara amnya perbuatan Pemohon adalah merupakan suatu kesalahan di dalam mana-mana pertandingan secara amnya. Di

dalam kes ini Pemohon telah diberikan peluang untuk membela diri dan kesemua hak beliau telah tidak digunakan olehnya.

Oleh yang demikian, berdasarkan hujahan-hujahan yang telah diperbentangkan di atas serta dokumen-dokumen yang dirujuk, Responden memohon tuntutan Pemohon ditolak oleh Tribunal yang Mulia ini.

ISU

11. Setelah meneliti keterangan dalam Nota Prosiding dan hujahan-hujahan yang telah dikemukakan oleh Pemohon dan Responden, isu yang ditimbulkan yang perlu diputuskan oleh Tribunal ialah:

- (i) sama ada Pemohon adalah anggota Responden yang sah dan tertakluk kepada disiplin dan peraturan-peraturan Responden?
- (ii) sama ada pelantikan Dato' Abdul Fattah Bin Abdullah sebagai TYDP Responden dan keanggotaannya dalam JKT Responden adalah betul dan sah?;
- (iii) sama ada pelantikan dan keanggotaan Tuan Haji Muthado Bin Bahri dalam Jawatankuasa Siasatan Awal Responden adalah sah?;
- (iv) sama ada pelantikan Dato' Dr. Ali Bin Baharom sebagai YDP Responden adalah sah;
- (v) sama ada komposisi JKT Responden mematuhi kehendak seksyen 42, Akta Koperasi 1993, Akta 502 ("**Akta 502**")?;
- (vi) sama ada Responden boleh mengadakan bayaran wang saku kepada ahli-ahli dan anggota-anggotanya semasa mengadakan PKTA dan termasuklah PKTA yang ke 26?;

- (vii) sama ada Responden telah menyediakan peraturan-peraturan, garis panduan atau peruntukan yang mencukupi dan telah memaklumkan dengan sepenuhnya kepada kesemua ahli-ahli dan anggota-anggotanya mengenai pemberian wang saku dan kesalahan dan hukuman yang berkaitan dengannya?;
- (viii) sama ada Responden telah menyediakan peraturan-peraturan, garis panduan atau peruntukan yang mencukupi dan telah memaklumkan dengan sepenuhnya kepada kesemua ahli-ahli dan anggota-anggotanya mengenai disiplin ahli-ahli dan anggota-anggotanya, perbuatan-perbuatan yang boleh terjumlah kepada pelanggaran disiplin dan menjadi kesalahan, hukuman-hukuman yang boleh dikenakan dan mengenai tatacara siasatan dan tatacara prosiding tatatertib?;
- (ix) sama ada suatu perbicaraan yang adil telah dikendalikan oleh Responden terhadap Pemohon berkaitan dengan salah laku yang dipertuduhkan ke atas Pemohon?;
- (x) sama ada Responden telah membuktikan kesalahan rasuah dan politik wang yang dipertuduhkan terhadap Pemohon?;
- (xi) sama ada sabitan kesalahan dan hukuman yang dibuat dan dijatuhkan oleh Responden terhadap Pemohon adalah sah?; dan
- (xii) sama ada keputusan Responden melucutkan **hak untuk menyertai mana-mana Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau Mesyuarat ANGKASA selama tempoh tiga tahun** terhadap Pemohon adalah suatu hukuman ringan?

DAPATAN PANEL SKM

12. Berhubung dengan isu pertama iaitu *sama ada Pemohon adalah anggota Responden yang sah dan tertakluk kepada disiplin dan peraturan-*

peraturan Responden, Tribunal mendapati bahawa **Pemohon bukanlah ahli atau anggota Responden** menurut UUK 1997 Responden. UUK 1997 Responden terpakai untuk kes ini kerana kes ini berlaku pada tahun 2009 iaitu dalam tempoh kuatkuasa UUK 1997 ini yang kemudiannya telah dipinda pada tahun 2010.

Dalam hujahannya berhubung dengan isu ini, Responden merujuk kepada Perkara 4 UUK 1997 ***di m/s 2, R3***, yang mana adalah seperti berikut:-

“Ahli’ bererti sebarang koperasi, Kesatuan, Persekutuan atau Gabungan Koperasi samaada koperasi asas, menengah atau atasan yang menggangotai ANGKASA.

‘Anggota’ bererti orang perseorangan yang menggangotai mana-mana koperasi atau kesatuan koperasi yang menjadi ahli ANGKASA”.

Responden juga menyandarkan hujahannya berdasarkan kepada keputusan oleh Hakim Aziah Ali, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam kes yang dibawa oleh Dato’ Mustapa Kamal Bin Maulut terhadap ANGKASA sepertimana yang boleh dirujuk ***di m/s 24, R4*** dalam kes Saman Pemula NO: R1-24-99-2010 yang mana adalah seperti berikut.

*“ In respect of the Plaintiff, the admitted fact that UKWAH, of which he is chairman, is a member of the Defendant is sufficient to show that the Plaintiff in (is) an ‘anggota’ of the defendant. Fu(r)ther I find not only is the Plaintiff and ‘anggota’ of the Defendant, he is also an officer of the Defendant by virtue of being the Defendant’s board of directors. **Therefore I agree with counsel for the Defendant that the plaintiff, as ‘anggota’ member of the Defendant, is therefore subject not only to the provisions of the Act but also to Defendant’s by-laws. The Defendant therefore has jurisdiction to act against the plaintiff for any alleged misconduct.**”*

Setelah meneliti UUK Responden, Tribunal mendapati bahawa istilah “anggota” hanya disebut dalam Tafsiran dalam UUK4 Responden sahaja. Istilah “anggota” tidak digunakan langsung dalam mana-mana peruntukan dalam UUK ini. Ini adalah kerana ANGKASA hanya mempunyai “ahli” dan bukannya “anggota”. “Ahli” ANGKASA adalah terdiri daripada sebarang koperasi, Kesatuan, Persekutuan atau Gabungan Koperasi sama ada koperasi asas, menengah atau atasan, sebagaimana yang ditafsirkan dalam istilah “ahli” dalam UUK4.

Takrifan “anggota” dalam UUK4 merujuk kepada anggota kepada ahli ANGKASA iaitu anggota kepada sebarang koperasi berdaftar, Kesatuan, Persekutuan atau Gabungan Koperasi sama ada koperasi asas, menengah atau atasan yang menggangotai ANGKASA. Istilah “anggota” dalam UUK4 tidak dengan sendirinya menjadikan “anggota” kepada setiap ahli ANGKASA dengan sendirinya menjadi anggota ANGKASA secara automatik.

Lebih khusus lagi, UUK5 dan UUK6 memperuntukkan tujuan penubuhan dan tugas ANGKASA antara lainnya hanyalah berkaitan dengan kepentingan ahli ANGKASA dan bukannya “anggota” ANGKASA. Oleh yang demikian, anggota kepada koperasi ahli ANGKASA boleh menikmati apa-apa manfaat yang diperolehi oleh koperasi ahli itu sebagai menjadi ahli ANGKASA.

Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas lagi jika kita melihat kepada UUK7 yang memperuntukkan bahawa keahlian ANGKASA hanya terbuka kepada semua koperasi berdaftar di Malaysia. Tidak ada dinyatakan bahawa keanggotaan ANGKASA terbuka kepada anggota koperasi ahli itu atau bahawa anggota koperasi ahli itu dengan sendirinya menjadi anggota ANGKASA. UUK8 memperuntukkan mengenai permohonan untuk menjadi ahli ANGKASA dan bukannya anggota ANGKASA manakala UUK11 memperuntukkan mengenai penarikan diri dari menjadi ahli ANGKASA dan bukannya penarikan diri sebagai anggota ANGKASA.

UUK12 dan 13 memperuntukkan mengenai perihal terhentinya daripada menjadi ahli ANGKASA dan bukannya anggota ANGKASA. UUK14 hanya memperuntukkan mengenai kuasa ANGKASA untuk mengenakan sekatan

penyertaan ke atas ahli ANGKASA sahaja daripada menyertai PKTA, Persidangan Negeri atau sebarang mesyuarat ANGKASA dan bukannya anggota individu koperasi ahli itu. Malahan tiada juga peruntukan mengenai “anggota ANGKASA” dinyatakan dalam UUK14. UUK 15 pula adalah mengenai pemecatan koperasi ahli ANGKASA dan bukannya anggota ANGKASA atau anggota koperasi ahli ANGKASA.

UUK20(3) dan (4) pula jelas menyatakan setiap Lembaga Koperasi Ahli ANGKASA hendaklah menamakan kesemua wakil dan pemerhatinya dalam borang yang dikhaskan untuk menghadiri PKTA atau PKTA Khas ANGKASA. Dengan kata lain, bukan kesemua anggota ahli ANGKASA boleh menghadiri PKTA atau PKTA Khas ANGKASA kecuali mereka yang dinamakan oleh Lembaga Koperasi Ahli ANGKASA tersebut sahaja. UUK 22 pula menghadkan bilangan perwakilan tiap-tiap ahli ANGKASA mengikut jumlah keanggotaan dan jenis koperasi ahli itu.

Jawatan-jawatan YDP, TYDP, NYDP, Pengerusi PKTA atau Jawatankuasa Audit Dalaman ANGKASA tidak dipegang oleh koperasi ahli ANGKASA. Jawatan-jawatan tersebut sebaliknya boleh ditandingi dan disandang oleh anggota koperasi ahli yang dicalonkan untuk bertanding memegang jawatan-jawatan tersebut oleh koperasi ahli menerusi Mesyuarat Lembaga Koperasi Ahli mereka, sama ada menerusi Mesyuarat biasa atau Mesyuarat Khas seperti yang diperuntukkan dalam UUK 23(2). Pemilihan penyandang jawatan-jawatan ini dibuat di dalam PKTA Responden. Dengan kata lain, anggota koperasi ahli ANGKASA tidak boleh bertanding atau mempunyai locus standi untuk memegang jawatan-jawatan tersebut mengikut kehendak mereka sendiri melainkan jika mereka dicalonkan untuk bertanding memegang jawatan-jawatan tersebut menerusi Mesyuarat Lembaga Koperasi Ahli mereka. Sekiranya anggota koperasi ahli ANGKASA dianggap sebagai anggota ANGKASA secara automatik seperti yang diujahkan oleh Responden, sudah tentu mereka ini bebas untuk bertanding memegang jawatan-jawatan tersebut dalam ANGKASA tanpa sekatan-sekatan sedemikian.

Setiap anggota koperasi ahli ANGKASA tidak tertakluk kepada perundangan ANGKASA melainkan mereka yang dilantik memegang jawatan-jawatan JKT atau apa-apa Jawatankuasa atau Portfolio yang diwujudkan oleh JKT atau pekerja-pekerja ANGKASA. Oleh kerana koperasi ahli ANGKASA adalah tertakluk kepada perundangan ANGKASA, maka anggota koperasi ahli itu hendaklah tidak melakukan apa-apa perbuatan yang boleh menjejaskan pematuhan oleh koperasi ahli yang mereka menjadi anggotanya kepada perundangan ANGKASA. Ini adalah kerana jika perbuatan anggota koperasi ahli didapati memudaratkan ANGKASA atau gerakan koperasi, ANGKASA boleh mengambil tindakan ke atas koperasi ahli tersebut dan bukannya ke atas anggota koperasi ahli itu. Apa-apa tindakan yang boleh diambil terhadap anggota koperasi ahli itu hanya boleh diambil atau dibuat oleh koperasi ahli yang berkenaan sahaja selaras dengan peruntukan UUK koperasi ahli itu. Sekiranya anggota koperasi ahli adalah dengan sendirinya menjadi anggota ANGKASA, sudah tentu ia akan dinyatakan dengan jelas dalam UUK ANGKASA seperti dalam UUK15 iaitu mengenai kuasa pemecataan oleh ANGKASA. Oleh yang demikian juga, hujahan Pemohon bahawa Responden sepatutnya mengambil tindakan terhadap Pemohon mengikut UUK15 adalah ditolak.

13. Mengenai isu sama ada perlantikan Dato' Abdul Fattah Bin Abdullah sebagai TYDP Responden dan keanggotaannya dalam JKT Responden adalah betul dan sah, peruntukan mengenai perkara ini dikendalikan oleh UUK 31(5) Responden yang berbunyi:

“31(5) Jika ada kekosongan pada jawatan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua akan menggantikannya. Jika ada kekosongan pada jawatan Timbalan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua yang menerima undi terbanyak akan menggantikannya. Jika ada kekosongan di antara Naib-Naib Yang Dipertua, ini akan diganti sementara oleh salah seorang dari JKT .”.

Isu ini timbul apabila berlaku kekosongan pada jawatan YDP dan TYDP akibat mantan YDP iaitu Dato' Haji Abdul Rahim Abu Bakar telah meninggal dunia.

TYDP pada masa itu ialah Prof. Dr. Ali Haji Baharum dan beliau telah mengisi kekosongan jawatan YDP tersebut. Persoalan yang timbul ialah bagaimanakah hendak ditentukan “Naib Yang Dipertua yang menerima undi terbanyak” untuk mengisi kekosongan jawatan TYDP yang menjadi kosong tersebut. Responden telah merujuk penentuan “Naib Yang Dipertua yang menerima undi terbanyak” kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (**“SKM”**). SKM sebaliknya dalam Eksibit “R-9” telah memaklumkan kepada Responden bahawa oleh kerana UUK Responden tidak memperuntukkan cara mana “Naib Yang Dipertua yang menerima undi terbanyak” hendaklah ditentukan, telah menasihatkan kepada ANGKASA bahawa adalah menjadi hak ANGKASA sendiri untuk menentukan penggantian kekosongan jawatan TYDP tersebut.

JKT telah memutuskan untuk membuat undi JKT bagi menentukan NYDP yang akan mengisi kekosongan jawatan TYDP tersebut di mana Dato’ Haji Abdul Fattah Bin Abdullah telah mendapat undi majoriti JKT manakala salah seorang daripada tiga NYDP ANGKASA iaitu Tuan Haji Mustapa Kamal Maulut telah membantah keputusan tersebut. Tribunal merujuk kepada Eksibit “R-8”, pada perenggan 4 mukasurat 20 hingga 22 dan mendapati bahawa tiga calon-calon jawatan NYDP yang mendapat undi terbanyak semasa PKTA ke-25 adalah Tuan Haji Mustapa Kamal Maulut-1055 undi, Dato’ Abdul Fattah Bin Abdullah-888 undi dan Puan Hajah Armi Haji Zainudin-760 undi.

Oleh kerana jawatan TYDP merupakan jawatan yang dipertandingkan dan dilantik menerusi undi dalam PKTA, sekiranya berlaku kekosongan jawatan tersebut, berdasarkan frasa dalam UUK 31(5) yang berbunyi “Jika ada kekosongan pada jawatan Timbalan Yang Dipertua, Naib Yang Dipertua yang menerima undi terbanyak akan menggantikannya.”, **perkiraan NYDP yang mendapat undi terbanyak hendaklah berdasarkan kepada keputusan pengundian semasa PKTA yang membentuk JKT tersebut iaitu PKTA ke-25 dan bukannya pengundian oleh JKT**. Ini adalah kerana penentuan NYDP adalah dibuat pengundian oleh perwakilan yang hadir dan layak bertanding dalam PKTA tersebut. Dengan mengambil kira keputusan pengundian semasa PKTA ke-25, ia adalah selaras dengan keputusan yang dibuat oleh para perwakilan semasa PKTA tersebut. Hujahan Responden bahawa hasil

pengundian JKT tersebut telah dibentangkan dan diluluskan semasa PKTA ke 26 tidak boleh membetulkan kesalahan tersebut. Keadaan ini merupakan suatu tempoh yang malang kepada ANGKASA yang merupakan teraju utama dan penggerak koperasi yang sepatutnya menjadi contoh dan pembimbing kepada koperasi-koperasi ahlinya. Ia memperlihatkan kelemahan dalam tadbir urus yang ketara.

Keadaannya adalah berbeza dengan pengisian kekosongan jawatan NYDP dimana UUK31(5) ini dengan jelas memperuntukkan bahawa ia hendaklah diganti sementara oleh salah seorang dari JKT. Dalam keadaan tersebut, JKT berkuasa untuk membuat pengundian, jika perlu, untuk mengisi kekosongan jawatan NYDP tersebut dan pengisian jawatan NYDP tersebut adalah berbentuk sementara dan akan luput sehingga PKTA terawal selepasnya, di mana pemilihan baru akan dibuat oleh PKTA berikutnya.

14. Berhubung dengan isu sama ada perlantikan dan keanggotaan Tuan Haji Muthado Bin Bahri dalam Jawatankuasa Siasatan Awal Responden adalah sah, Tribunal mendapati bahawa walaupun penubuhan Jawatankuasa Siasatan Awal tidak diperuntukkan dalam UUK Responden, namun demikian, tindakan Responden mewujudkan jawatankuasa tatatertibnya untuk menjalankan prosiding tatatertib adalah teratur. Ini adalah selaras dengan keputusan dalam kes **Leong Sang** yang dirujuk oleh Responden di mana diputuskan pada perenggan **17, di m/s 932** seperti berikut:-

“On the issue of lack of regulations or bye-laws to govern disciplinary proceedings, to my mind the absence of rules would not render the proceedings and the decision of the E & DC invalid so long as the plaintiff was accorded an opportunity to be heard, which I find he was, in the present case. I find no evidence to suggest that the inquiry had not been conducted fairly or that the members had not acted in good faith”

Walaupun begitu, Tribunal ini juga mendapati bahawa selaras dengan peruntukan UUK31(5) yang berbunyi “Jika ada kekosongan di antara Naib-Naib

Yang Dipertua, ini akan diganti sementara oleh salah seorang dari JKT.” Ini bermakna pemegangan jawatan NYDP oleh Tuan Haji Muthado Bin Bahri sebagai hanyalah sah sehingga setakat PKTA yang berikutnya iaitu pada PKTA ke 26 pada 19 Disember 2009. Penggiliran pengosongan jawatan NYDP seperti yang diperuntukkan dalam UUK30(2) adalah tidak terpakai kepada NYDP yang dilantik sementara untuk mengisi kekosongan jawatan NYDP tersebut. Oleh yang demikian, bagi tempoh yang bermula mulai 19 Disember 2009, jawatan yang disandang oleh Tuan Haji Muthado Bin Bahri adalah luput dan menjadi kosong dan NYDP yang baru hendaklah dipilih semula oleh JKT. Beliau juga boleh ikut bertanding untuk memegang jawatan NYDP yang kosong tersebut. Pemegangan berterusan jawatan NYDP oleh beliau pada dan selepas 19 Disember 2009 adalah tidak sah dan terbatal. Namun begitu oleh kerana beliau masih merupakan ahli JKT melalui statusnya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri Perlis pada setiap masa yang berkenaan, status beliau sebagai Pengerusi Siasatan Awal adalah sah.

15. Bagi isu yang berikutnya iaitu sama ada perlantikan Dato’ Dr. Ali Bin Baharom sebagai YDP Responden adalah sah dan teratur, Tribunal mendapati bahawa nama Dato’ Dr. Ali Bin Baharom tidak disenaraikan dalam senarai Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Koperasi BIRR Berhad yang telah digantung oleh SKM.

16. Mengenai isu sama ada komposisi JKT Responden mematuhi kehendak seksyen 42 Akta Koperasi 1993, Akta 502 (**“Akta 502”**) Tribunal mengambil maklum bahawa komposisi setiap lembaga koperasi hendaklah tidak kurang daripada enam orang dan tidak lebih daripada lima belas orang yang dilantik dengan sewajarnya pada mesyuarat agung tahunan. Oleh kerana peruntukan ini merupakan suatu peruntukan substantif dalam seksyen 42 Akta 502, sebarang ketidakpatuhan terhadapnya merupakan suatu perbuatan yang melebihi atau “*ultra vires*” kehendak seksyen 42 ini.

SR1 semasa disoal balas oleh Pemohon telah memberi keterangan bahawa komposisi JKT Responden adalah berdasarkan kepada UUK30(1) Responden iaitu YDP, TYDP, tiga orang NYDP, 10 orang Pengerusi Jawatankuasa

Perhubungan Negeri (“JPN”) dan seorang wakil daripada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan seorang wakil daripada Kementerian Kewangan yang dilantik oleh Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi. Oleh kerana Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan portfolio Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi tidak lagi wujud, rujukan kepada kementerian dan jawatan menteri tersebut hendaklah ditafsirkan merujuk kepada Kementerian dan oleh Menteri yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal koperasi.

UUK19(2)(c) Responden dengan jelas memperuntukkan bahawa antara agenda pada PKTA ialah memilih penyandang jawatan-jawatan YDP, TYDP dan tiga NYDP. Ini bermakna pada setiap PKTA Responden, hanya lima jawatan JKT yang dipilih dan dilantik dengan sewajarnya manakala sepuluh lagi jawatan JKT diisikan menerusi sepuluh orang Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri yang dibuat terlebih dahulu daripada PKTA tersebut. Mereka ini dipilih pada Persidangan Negeri dan bukannya pada PKTA tersebut. Orang yang mewakili Kementerian yang berkaitan dengan pembangunan koperasi dan Kementerian Kewangan yang dilantik oleh Menteri yang bertanggung jawab ke atas pembangunan koperasi pula lazimnya dibuat selepas PKTA.

Oleh yang demikian, Tribunal mendapati JKT ANGKASA yang dipilih dan **dilantik dengan sewajarnya pada PKTA ANGKASA adalah terdiri daripada lima orang sahaja iaitu YDP, TYDP dan tiga orang NYDP**. Jumlah ini adalah lebih rendah daripada had yang telah diperuntukkan dalam Akta 502 iaitu yang hendaklah tidak kurang daripada enam orang **dan dengan demikian adalah melampaui atau terkeluar atau *ultra vires* seksyen 42 Akta 502**.

Walaupun komposisi JKT pada keseluruhannya adalah berjumlah seramai 17 orang, namun menerusi peruntukan 19(2)(c) ini, Responden telah melakukan pelanggaran terhadap seksyen 42 dan badalah melakukan kesalahan di bawah seksyen 91(1)(b) dan (c) dan boleh dihukum denda sebanyak RM100,000.00 dan sebagai tambahan didenda harian sebanyak RM100.00 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan. SKM adalah bertanggung jawab untuk memastikan bahawa Responden mematuhi peruntukan seksyen 42 Akta

502 dan mengutip apa-apa denda yang sewajarnya dikutip menerusi ketidakpatuhan oleh Responden ke atas seksyen 42 ini.

17. Bagi isu seterusnya iaitu sama ada Responden boleh mengadakan bayaran wang saku kepada ahli-ahli dan anggota-anggotanya semasa mengadakan PKTA dan termasuklah PKTA yang ke 26, Tribunal mendapati bahawa peruntukan UUK28 Responden dengan jelas memperuntukkan:

“28. Segala perbelanjaan wakil-wakil menghadiri Persidangan Kebangsaan tidak ditanggung oleh ANGKASA. Tetapi walau bagaimanapun belanja persiapan Persidangan Kebangsaan adalah ditanggung oleh ANGKASA.”

Tribunal mendapati peruntukan “Segala perbelanjaan wakil-wakil menghadiri Persidangan Kebangsaan tidak ditanggung oleh ANGKASA.” adalah jelas bermaksud bahawa segala kos dan perbelanjaan oleh setiap perwakilan tidaklah boleh dipertanggungkan ke atas Responden dalam apa keadaan sekalipun. Ini bermakna Responden **tidak boleh** memberikan wang saku kepada para perwakilan yang menghadiri PKTA ke 26 dan mana-mana PKTA sebelumnya.

18. Bagi isu sama ada Responden telah menyediakan peraturan-peraturan, garis panduan atau peruntukan yang mencukupi dan telah memaklumkan dengan sempurnanya kepada kesemua ahli-ahli dan anggota-anggotanya mengenai pemberian wang saku dan kesalahan dan hukuman yang berkaitan dengannya, Tribunal mendapati bahawa Responden **telah gagal atau tidak melaksanakannya**. SR1 iaitu Pengurus Besar Responden, apabila disoal oleh Tribunal berhubung dengan soalan 7 pada mukasurat 3 Eksibit “R-7” (mukasurat 69-71 Nota Prosiding) menjawab seperti berikut:

“Tribunal : Rujuk Penyata Saksi ms 3 soalan 7. Dimanakah penetapan ini dibuat dalam UUK?

SR1 : Tidak ada diperuntukkan dalam UUK.

Tribunal : Bagaimanakah penetapan ini dibuat dan bagaimanakah ia dimaklumkan kepada anggota?

SR1 : Pada setiap kupon wang saku ada ditulis nama penerima dan koperasinya. Semasa pendaftaran mereka diberitahu untuk menukar sendiri kupon itu selepas persidangan.

Tribunal : Adakah pengendali kaunter pendaftaran memaklumkan kepada setiap anggota yang mendaftar untuk tidak membenarkan kupon wang saku dituntut bayaran oleh orang lain dan mesti dibuat oleh penamanya sendiri dan kegagalan mematuhi peraturan ini merupakan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah UUK 15?

SR1 : Tidak ada.”

Pada mukasurat 75-76 Nota Prosiding, SR1 memberi jawapan seperti berikut:

“Tribunal : Selain daripada perbuatan menuntut kupon wang saku dari pihak orang lain atau perwakilan lain adalah perbuatan yang dilarang dan dianggap suatu kesalahan disiplin. Bolehkah kamu beritahu mahkamah adakah apa-apa lagi perbuatan lain yang turut dilarang dan menjadi kesalahan disiplin jika dilakukan yang tidak tertulis dalam UUK ANGKASA?

SR1 : Apa-apa tindakan yang pada lazimnya merupakan suatu kesalahan yang diamalkan di bawah undang-undang diambilkira oleh ANGKASA sebagai kesalahan yang boleh menyebabkan pelaku diambil tindakan disiplin.

Tribunal : Bagaimanakah pertimbangan ini dimaklumkan atau diberitahu atau disampaikan kepada setiap anggota ANGKASA?

SR1: Peringatan biasanya diberikan oleh YDP dan JKT melalui persidangan negeri dan persidangan kebangsaan ANGKASA.

Tribunal : Adakah peringatan ini diminitkan?

SR1 : Tidak.

Tribunal : Rujuk R8 ms 3 Perenggan 2 yang bermula dengan “Pengerusi Persidangan memaklumkan” sehinggalah “yang telah dirancang”. Di manakah dalam perenggan atau dalam minit mesyuarat ini yang melarang kupon wang saku dituntut oleh orang selain daripada yang dinamakan sebagai berhak ke atas kupon wang saku itu?

SR1 : Tiada.”

Tetapi apabila disoalbalas semula oleh Peguam Responden, SR1 memberikan keterangan berikut (mukasurat 78-79 Nota Prosiding):

“Peg. Responden : Boleh perjelaskan cara untuk menuntut kupon wang saku sekiranya tidak dituntut selepas persidangan tamat pada hari yang sama ataupun sekiranya pemilik kupon tersebut ingin pulang awal?

SR1 : Perwakilan perlu mengisi borang tuntutan bayaran wang saku dan dihantar kepada ANGKASA bersama kupon wang saku itu dan menentukan di dalam borang itu cara bayaran sama ada secara pos atau dimasukkan ke dalam akaun bank.

Peg. Responden : Bagaimana tatacara ini dimaklumkan kepada perwakilan persidangan?

SR1 : Kalau dia nak balik awal dan dia pergi ke kaunter untuk menukar kupon, dia akan dimaklumkan oleh pegawai bertugas untuk mengisi Borang Tuntutan Bayaran

Wang Saku yang telah disediakan. Sekiranya dia tidak pergi ke kaunter dan telah balik daripada persidangan tersebut, dia boleh menuntut bayaran ke atas kupon wang saku dengan menulis surat kepada ANGKASA.

Peg. Responden : Adakah perkara mengenai penukaran wang saku ini dimaklumkan kepada perwakilan pada Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA dan sekiranya ada bagaimanakah ia dibuat?

SR1 : Ada iaitu Pengerusi Persidangan semasa persidangan berkenaan mengumumkan bahawa kupon wang saku telah diedarkan kepada perwakilan dan meminta menukarkannya selepas selesai persidangan.”

Daripada mukasurat 2 dan 3 Eksibit “R-8”, Tribunal juga mendapati bahawa tiada apa pun peringatan yang diberikan oleh Pengerusi persidangan mengenai tatacara penukaran wang saku dibuat atau larangan bahawa wang saku tidak boleh dituntut oleh orang lain dan hendaklah dituntut oleh perwakilan itu sendiri. Oleh yang demikian, Tribunal mendapati bahawa ahli-ahli responden dan anggota-anggota ahli Responden tidak dimaklumkan dengan jelas atau mengetahui bahawa adanya peraturan, atau mengenai tatacara, larangan, kesalahan dan hukuman yang berkaitan dengan pemberian wang saku.

19. Berhubung dengan isu sama ada Responden telah menyediakan peraturan-peraturan, garispanduan atau peruntukan yang mencukupi dan telah memaklumkan dengan sempurnanya kepada kesemua ahli-ahli dan anggota-anggotanya mengenai disiplin ahli-ahli dan anggota-anggotanya, perbuatan-perbuatan yang boleh terjumlah kepada pelanggaran disiplin dan menjadi kesalahan, hukuman-hukuman yang boleh dikenakan dan mengenai tatacara siasatan dan tatacara prosiding tatatertib, SR1 memberi keterangan seperti berikut pada mukasurat 75 dan 76 Nota Prosiding:

“Tribunal : Selain daripada perbuatan menuntut kupon wang saku dari pihak orang lain atau perwakilan lain adalah perbuatan yang dilarang dan dianggap suatu kesalahan disiplin. Bolehkah kamu beritahu mahkamah adakah apa-apa lagi perbuatan lain yang turut dilarang dan menjadi kesalahan disiplin jika dilakukan yang tidak tertulis dalam UUK ANGKASA?”

SR1 : Apa-apa tindakan yang pada lazimnya merupakan suatu kesalahan yang diamalkan di bawah undang-undang diambilkira oleh ANGKASA sebagai kesalahan yang boleh menyebabkan pelaku diambil tindakan disiplin.

Tribunal : Bagaimanakah pertimbangan ini dimaklumkan atau diberitahu atau disampaikan kepada setiap anggota ANGKASA?

SR1: Peringatan biasanya diberikan oleh YDP dan JKT melalui persidangan negeri dan persidangan kebangsaan ANGKASA.

Tribunal : Adakah peringatan ini diminitkan?

SR1 : Tidak.”

Apabila disoalbalas semula oleh Peguam Responden, SR1 menjawab seperti berikut pada mukasurat 79-80 Nota Prosiding:

“Peg. Responden : Mengenai kesalahan disiplin yang tidak ditulis dalam UUK, bolehkah kamu perelaskan kepada Tribunal kesalahan jenis mana yang boleh menyebabkan satu tindakan disiplin dikenakan ke atas ahli atau anggota kepada ahli ANGKASA.

SR1 : *Kesalahan yang ada kaitan dengan hak dan tanggungjawabnya sebagai ahli atau anggota kepada ahli ANGKASA.”*

Peg. Responden : Saya tiada soalan lain.

Oleh demikian, Tribunal juga mendapati bahawa ahli-ahli ANGKASA atau anggota-anggota ahli ANGKASA tidak tahu dan tidak mampu untuk mengetahui apakah perlakuan-perlakuan yang ditegah dan yang boleh diambil tindakan tatatertib ke atas koperasi ahli mereka yang boleh diambil oleh ANGKASA.

20. Berkenaan dengan isu sama ada suatu perbicaraan yang adil telah dikendalikan oleh Responden terhadap Pemohon berkaitan dengan salah laku yang dipertuduhkan ke atas Pemohon, Tribunal mendapati bahawa **Responden telah memberikan perbicaraan yang adil ke atas Pemohon.**

21. Bagi isu sama ada Responden telah membuktikan kesalahan rasuah dan politik wang yang dipertuduhkan terhadap Pemohon, Tribunal mendapati bahawa **tiada dapatan siasatan sedemikian dengan bukti yang kukuh** telah dibentangkan dan dilaporkan dalam mana-mana dokumen atau eksibit yang dikemukakan oleh Responden mahupun keterangan diberikan oleh saksi Responden mengenai isu ini. Dapatan dan keputusan yang dibuat oleh Laporan Penyiasatan Dalam Jabatan ke atas Kes Salahlaku Jawatankuasa Dan Anggota Koperasi ANGKASA dalam R2 pada Lampiran 4 mukasurat 15 hingga 23 **hanya berasaskan kepada andaian dan keterangan yang lemah.** Keadaan ini juga dapat dilihat menerusi keterangan yang diberikan oleh SR1 ketika disoal semasa Pemeriksaan Utama pada mukasurat 59-60 dan 78 Nota Prosiding iaitu:

“Peg. Responden : Rujuk Penyata Saksi ms 3 soalan 7. Boleh kamu terangkan proses berkenaan kupon wang saku?”

SR1 : Semasa mendaftar untuk menjadi wakil persidangan kebangsaan, perwakilan akan diberi kupon wang saku dan kupon kad undi. Kupon wang saku digunakan untuk ditukarkan dengan wang tunai pada akhir persidangan manakala kupon kad undi digunakan untuk ditukarkan dengan kad undi semasa agenda pengundian dijalankan. **Kemungkinan** yang boleh berlaku ialah orang tertentu **boleh** membeli kupon wang saku **mungkin pada nilai yang lebih tinggi daripada perwakilan dan pada masa yang sama mendapatkan kupon kad undi daripada perwakilan berkenaan. Kad undi ini kemudiannya akan digunakan oleh orang yang membeli kupon wang saku dan ditukarkan dengan kad undi sebenar semasa agenda pengundian.**”

“Peg. Responden : Adakah apa-apa surat daripada Pemohon yang mengatakan bahawa dia telah membayar wang saku kepada pemilik-pemilik kupon wang saku yang dirujuk olehnya.

SR1 : Ada melalui surat bertarikh 23 Jun 2010.

Tribunal mendapati bahawa terdapat keterangan oleh Pemohon bahawa Pemohon telah mengutip kupon wang saku daripada 21 orang anggota koperasi ahlinya dan bahawa Pemohon telah membayar kepada setiap perwakilan yang menjadi tuannya kupon wang saku tersebut. Namun demikian, **tidak terdapat keterangan** yang berkaitan dengan fakta bahawa Pemohon telah membayar kepada 21 orang perwakilan tersebut pada nilai yang lebih tinggi daripada RM160.00 setiap kupon yang kesemuanya berjumlah RM3,360.00 dan bahawa tindakan pemohon tersebut telah mengakibatkan kesemua 21 orang perwakilan tersebut telah mengundi dengan memberi undi kepada Tuan Haji Mustapa Kamal Maulut pada PKTA ke 26 tersebut seperti yang dipertuduhkan dalam Surat Tunjuk Sebab dan Notis Penyiasatan Dalam

Jabatan Dan Surat Dakwaan terhadap Pemohon dalam mukasurat 11, 12, 13 dan 14 R2.

22. Seterusnya, berhubung dengan isu sama ada sabitan kesalahan dan hukuman yang dibuat dan dijatuhkan oleh Responden terhadap Pemohon adalah sah, berdasarkan kepada dapatan Tribunal pada isu di perenggan 21 di atas, Tribunal mendapati bahawa sabitan terhadap Pemohon **adalah tidak sah**. Tribunal juga mendapati bahawa **JKT tidak mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman sedemikian** kerana tidak terdapat apa-apa peruntukan dalam UUK Responden yang memperuntukan kuasa sedemikian kepada JKT.

Tribunal merujuk kepada hujahan Responden pada perenggan 10 di atas dimana Responden menghujahkan bahawa:

“di bawah kuasa-kuasa YDP di mana di bawah UUK 31(1) R3 ms 35 yang memperuntukan bahawa YDP antara lain mempunyai kuasa dan tanggungjawab bagi memastikan kesempurnaan pentadbiran dan pengurusan keseluruhan ANGKASA serta pelaksanaan segala keputusan JKT dan JKK. Adalah jelas di bawah UUK ini kuasa ini termasuklah kuasa untuk memastikan pematuhan disiplin di kalangan ahli dan secara tidak langsung anggota kepada ahli. Di dalam kes ini tindakan disiplin yang dikenakan ke atas Pemohon adalah lanjutan daripada insiden yang berlaku semasa Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA). Persidangan ini termasuk di bawah frasa “pentadbiran dan pengurusan” ANGKASA yang terjatuh di bawah bidang kuasa YDP.”

Tribunal mendapati bahawa kuasa yang diperuntukkan oleh UUK31(1) memang memberikan kuasa dan tanggung jawab kepada YDP untuk memastikan kesempurnaan pentadbiran dan pengurusan keseluruhan ANGKASA serta pelaksanaan segala keputusan JKT dan JKK. Tetapi hanya JKT yang boleh menjatuhkan hukuman ke atas Pemohon kerana JKT yang melaksanakan

prosiding tatatertib tersebut. Jika JKT menjatuhkan hukuman, YDP boleh menjalankan kuasa dan tanggung jawabnya untuk memastikan keputusan yang dibuat oleh JKT itu dilaksanakan dengan sempurna. UUK31(1) tidak memberikan kuasa kepada YDP untuk menjatuhkan hukuman ke atas Pemohon ke atas kesalahan yang disabitkan oleh JKT. Oleh yang demikian, Tribunal mendapati hujahan Responden ini gagal.

23. Mengenai isu sama ada keputusan Respondan melucutkan **hak untuk menyertai mana-mana Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau Mesyuarat ANGKASA selama tempoh tiga tahun** terhadap Pemohon adalah suatu hukuman ringan, Tribunal mendapati bahawa hukuman tersebut merupakan suatu hukuman yang amat berat dan penafian antara hak utama yang diberikan oleh UUK8 dan tidak konsisten dengan UUK14.

Ini adalah kerana antara hak utama yang diberikan kepada mana-mana koperasi ahli yang dijamin oleh UUK adalah hak untuk mengikuti PKTA, Persidangan Negeri dan mana-mana Mesyuarat ANGKASA. Dengan menghadiri PKTA atau Persidangan Negeri atau Mesyuarat ANGKASA, koperasi-koperasi ahli akan mampu menghantar perwakilan dan mengambil bahagian dalam persidangan atau mesyuarat tersebut di samping membuang undi semasa pertandingan jawatan-jawatan YDP, TYDP, NYDP, Pengerusi Mesyuarat dan Jawatankuasa Audit Dalaman atau jawatan-jawatan lain seperti Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri, mengambil Bahagian dalam perbahasan dan mengundi ke atas apa-apa usul yang dibangkitkan. Koperasi ahli juga boleh mencalonkan anggota mereka untuk bertanding jawatan-jawatan penting dalam ANGKASA seperti YDP, TYDP, NYDP dan Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri.

Jika hak ini dilucutkan, ia merupakan penafian hak yang utama ke atas tujuan mana-mana koperasi menjadi ahli ANGKASA dan untuk bergiat aktif dalam ANGKASA. Bagi anggota koperasi ahli yang koperasi mereka dilucutkan hak tersebut, mereka secara langsung juga hilang hak tersebut, hilang hak mewakili koperasi ahli mereka menghadiri persidangan-persidangan dan mesyuarat-mesyuarat ANGKASA tersebut, hilang hak untuk bertanding jawatan-jawatan

utama ANGKASA atau Jawatankuasa Perhubungan Negeri dan hilang hak untuk menyuarakan pendapat, pandangan atau usul bagi pihak koperasi ahli mereka.

UUK14 hanya membenarkan sekatan menghadiri PKTA atau Persidangan Negeri atau sebarang mesyuarat ANGKASA ke atas koperasi ahli hanya dalam keadaan koperasi ahli tersebut gagal membayar caruman keahlian mengikut syarat yang telah ditetapkan atau gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa 24 bulan sebelum tarikh PKTA tersebut sahaja. Hak tersebut hanya disekat tetapi tidak dilucutkan dan boleh dibaikpulih sebaik syarat-syarat atau keperluan tersebut dipenuhi atau diremedikan oleh koperasi ahli yang berkenaan. Perlucutan hak tersebut mengakibatkan koperasi ahli itu atau anggotanya tidak mampu untuk berbuat apa-apa melainkan menunggu tamatnya tempoh hak tersebut berakhir dan dalam kes Pemohon, selama tiga tahun. Hukuman ini adalah dari bentuk yang amat berat dan adalah lebih berat daripada UUK14.

Dalam ketiadaan peruntukan yang jelas mengenai perbuatan atau perilaku atau perjalanan yang boleh terjumlah kepada kesalahan disiplin dalam ANGKASA dan hukuman yang bakal menunggu mereka yang disabitkan, Tribunal mendapati tidak ada ketentuan yang jelas mengenai apakah yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh koperasi ahli atau anggota koperasi ahli yang bertentangan dengan JKT yang boleh dianggap memudaratkan Responden atau gerakan koperasi.

PENGHAKIMAN

24. Daripada dapatan-dapatan yang dibuat oleh Tribunal di atas, Tribunal membuat penghakiman seperti berikut:

- (1) Oleh kerana Pemohon bukan merupakan anggota Responden tetapi pada setiap masa yang relevan adalah merupakan anggota koperasi yang menjadi ahli kepada Responden, Responden tidak mempunyai bidangkuasa yang sah dan mengikat dari sisi undang-undang untuk

memulakan prosiding tatatertib yang dipertikaikan oleh Pemohon. Bagi perlakuan-perlakuan yang dikatakan dilakukan oleh Pemohon, sekiranya Responden benar-benar mendapati bahawa ianya memudaratkan Responden atau gerakan koperasi, Responden hanya boleh mengambil tindakan di bawah UUK15 terhadap koperasi ahli yang mana Pemohon merupakan anggotanya atau mengarahkan koperasi ahli yang Pemohon adalah anggotanya untuk mengambil tindakan yang sewajarnya di bawah UUK koperasi ahli tersebut terhadap Pemohon.

- (2) Perlantikan Dato' Haji Abdul Fattah Bin Abdullah sebagai TYDP Responden menerusi undi majoriti oleh JKT adalah menyalahi UUK31(5) di mana NYDP yang menerima undi terbanyak yang akan mengisi kekosongan jawatan TYDP hendaklah ditentukan daripada keputusan pengundian yang dibuat pada PKTA yang membentuk JKT tersebut.
- (3) Pembentukan prosiding tatatertib dan perlantikan Tuan Haji Muthado Bin Bahri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Siasatan Awal, walaupun adalah teratur dan dilaksanakan dengan sewajarnya terhadap Pemohon adalah tidak sah kerana tindakan tatatertib terhadap Pemohon tidak boleh diambil menerusi pendekatan oleh Responden kerana Pemohon bukanlah anggota Responden.
- (4) Keanggotaan Prof. Dato' Haji Ali Bin Haji Baharom sebagai YDP Responden adalah sah.
- (5) UUK19(2)(c) Responden dan amalan Responden untuk melantik seorang YDP, seorang TYDP dan tiga orang NYDP yang kesemuanya seramai lima orang dengan sewajarnya pada PKTA, khususnya pada PKTA ke 26 dan pada mana-mana PKTA yang sebelum daripada ini atau selepas daripada ini yang berasaskan peruntukan UUK19(2)(c), adalah melampaui atau terkeluar atau *ultra*

vires peruntukan seksyen 42 Akta Koperasi 1993, Akta 502. Seksyen 42 Akta 502 menghendaki setiap Lembaga koperasi hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada enam orang dan tidak lebih daripada lima belas orang anggota **yang dilantik dengan sewajarnya pada mesyuarat agung tahunan**. Oleh yang demikian, Responden adalah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 91(1)(b) dan (c) dan boleh dihukum di bawah seksyen 91(2) Akta 502 iaitu denda tidak melebihi RM100,000.00 bagi setiap kesalahan dan denda tambahan sebanyak RM100.00 sehari bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas daripada hukuman.

- (6) UUK28 Responden melarang Responden daripada membayar apa-apa perbelanjaan menghadiri PKTA kepada Perwakilan-Perwakilan yang menghadiri PKTA. Oleh yang demikian, pemberian wang saku kepada Perwakilan-Perwakilan oleh Responden adalah melampaui atau *ultra vires* UUK 28 Responden dan kesalahan yang dipertuduhkan dan disabitkan terhadap Pemohon juga tidak boleh dikekalkan.
- (7) Kegagalan Responden untuk menyediakan peraturan-peraturan, garis panduan atau peruntukan yang mencukupi dan memaklumkan dengan sempurnanya kepada kesemua ahli-ahli dan anggota-anggota koperasi ahli Responden mengenai pemberian wang saku atau apa-apa kesalahan disiplin yang lain dan mengenai perihal siasatan, prosiding tatatertib dan hukuman-hukuman yang boleh dipertanggungkan ke atas pelakunya akan menimbulkan keadaan tidak ketentuan di kalangan koperasi ahli atau anggota koperasi ahli Responden. Ia boleh menimbulkan ketidakadilan terhadap koperasi-koperasi ahlinya atau anggota koperasi ahlinya yang boleh terperangkap dengan apa-apa perbuatan yang dianggap memudaratkan Responden atau gerakan koperasi sebagaimana yang ditentukan oleh JKT Responden.

- (8) Responden telah gagal mensabitkan Pemohon dengan kesalahan yang dipertuduhkan atas bukti yang kukuh atau keterangan langsung dan sebaliknya bersandarkan kepada bukti yang lemah dan andaian oleh Responden semata-mata. Oleh yang demikian, sabitan terhadap Pemohon adalah tidak sah dan bertentangan dengan prinsip undang-undang pembuktian keterangan. Penentuan dan jenis hukuman yang dijatuhkan terhadap Pemohon yang dibuat oleh YDP Responden di bawah UUK31(1) sebagai tambahan kepada bidangkuasa JKT juga adalah tidak teratur dan bersalahan dengan prinsip undang-undang yang menampakkan unsur-unsur *male fide* di pihak Responden dan dengan ini adalah diketepikan.
- (9) Hukuman yang dijatuhkan oleh Responden untuk melucutkan Pemohon **hak untuk menyertai mana-mana Persidangan Kebangsaan, Persidangan Negeri atau Mesyuarat ANGKASA selama tempoh tiga tahun** terhadap Pemohon bukanlah suatu hukuman ringan. Ia merupakan penafian hak utama untuk mana-mana koperasi menjadi ahli Responden atau mana-mana orang daripada menyertai mana-mana koperasi dan adalah lebih berat jika dibandingkan dengan UUK14 yang memberi kuasa kepada Responden untuk menyekat penyertaan mana-mana koperasi ahli daripada menyertai PKTA, Persidangan Negeri atau mana-mana mesyuarat Responden jika gagal membuat caruman yuran yang telah ditetapkan atau tidak mengadakan MAT selama 24 bulan sebelumnya. Sekatan ini hanya berkuatkuasa selagi ketidakpatuhan tersebut wujud berbanding dengan hukuman perlucutan hak tersebut yang dijatuhkan oleh Responden terhadap pemohon selama tiga tahun.
- (10) Oleh kerana Pemohon tidak mengemukakan butir-butir gantirugi yang dipohon seperti kerosakan yang dialaminya, pengiraan dan penentuan gantirugi, Pemohon boleh memfailkan tuntutan

gantiruginya terhadap Responden di Mahkamah Sivil kerana ia juga mempunyai elemen berunsur fitnah (libelleous).

- (11) Oleh kerana relif yang ketiga yang meminta Responden menyiarkan permintaan maaf secara terbuka di media nasional utama juga mempunyai unsur-unsur fitnah, Pemohon bolehlah memfailkan tuntutan untuk mendapatkan relif tersebut terhadap Responden di Mahkamah Sivil.
- (12) Responden juga diarahkan untuk menyiarkan di dalam Majalah Pelancar untuk membersihkan nama baik Pemohon daripada sabitan dan hukuman yang telah dibuat oleh Responden terhadap Pemohon pada 25 Ogos 2010.

.....
HAMIDUN BIN DATUK HAJI ABDUL FATAH
PENGERUSI TRIBUNAL
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

12 JUN 2013